

‘Syukur, saya sudah ada IC’

Lelaki tinggal dalam pondok gembira terima kad pengenalan baharu

Oleh SAIFULLAH AHMAD

SELAMA

Penantian seorang lelaki yang tinggal dalam sebuah pondok usang Kampung Tanjung Leng-kong, Bukit Bertam sejak 13 tahun lalu untuk mendapatkan kad pengenalan berakhir selepas Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menyerahkan kad baharu kepadanya semalam.

Che Hat Jusoh, 55, yang ditemui selepas menerima kad baharu itu bersyukur kerana setelah 20 tahun ti-

dak mempunyai pengenalan diri akhirnya dapat menikmati semula kemudahan tersebut yang sebelumnya hilang akibat banjir.

Bukan sahaja teruja, beliau turut merasakan hidupnya kini bebas selepas memiliki dokumen pengenalan diri itu selain berharap ia menjadi titik permulaan ke arah kehidupan lebih baik.

“Alhamdulillah, saya bersyukur sangat dapat kad pengenalan baharu ini. Ingatkan dah tak boleh dapat semula kad pengenalan ini sebab 20 tahun hilang masa banjir.

“Kehidupan saya juga sekarang lebih baik selepas pihak Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selama, Mohd Akmal Kamarudin membantu saya mendapatkan rumah sewa yang lebih selesa,” katanya kepada *Sinar Harian* di Pejabat JPN Selama di sini semalam.



Che Hat (kanan) menerima kad pengenalan baharu daripada Raja Azlal dalam satu majlis di Pejabat JPN Selama di sini semalam.

Menurutnya, dengan adanya kad pengenalan tersebut, pelbagai urusan dapat dibuat dengan mudah termasuk membuat permohonan bantuan.

Sementara itu, Pengarah JPN Perak, Raja Azlal Raja Azman yang menyempurnakan majlis penyerahan kad itu berkata, masalah dihadapi Che Hat mendapat

perhatian JPN selepas kisahnya disiarkan *Sinar Harian* sebelum ini.

“Masalah seperti kehilangan MyKad akibat bencana, jenayah atau kecuai-an hendaklah disegerakan permohonan gantian selaras dengan Peraturan 13, Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007),” katanya.